

PUNCA-PUNCA MASALAH PONTENG SEKOLAH

Suria bt Abd Jalil

Punca Diri Pelajar

Di sini boleh difahami bahawa ‘keremajaan’ menjadi salah satu faktor penglibatan pelajar dengan masalah disiplin atau gejala sosial. Kemungkinan mereka merasa bahawa mereka telah dewasa dan sudah boleh membuat keputusan sendiri. Hal ini menyebabkan keputusan yang diambil tidak tepat. Mereka sebenarnya masih belum cukup ilmu dan kurang pengalaman. Oleh itu mereka perlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada orang dewasa. Inilah yang dimaksudkan dalam laporan kajian Azizah binti Lebai Nordin (2002) sebagai ‘faktor diri pelajar sendiri’. Sikap pelajar yang sukakan hiburan dan mudah terikut-ikut dengan gaya penampilan artis yang mereka minati, seperti memakai pakaian yang berjenama dan stail rambut yang baru, jika tiada wang yang mencukupi, mereka rela ponteng sekolah untuk bekerja demi mendapat wang. Begitu juga, apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik minat meraka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah. (Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, How Lee Chan, 2007)

Menurut teori Maslow (1970), keperluan manusia adalah berperingkat peringkat. Ini menunjukkan bahawa, faktor diri memainkan peranan dalam menentukan kehidupan sehari-hari selain daripada faktor-faktor lain. Untuk memenuhi keperluan ini, minat terhadap sesuatu yang diinginkan amat perlu dikuasai supaya setiap yang dilakukan itu dapat memenuhi kehendak diri. Minat itu dibina akibat daripada hubungan, pengalaman, kejayaan, maklumat dan kebiasaan. Oleh itu, setiap individu hendaklah berusaha dalam mencari atau melakukan sesuatu yang boleh meningkatkan potensi diri.

Duke (1980), menyatakan bahawa tiap-tiap individu bertanggungjawab di atas perlakuannya sendiri. Pelajar berkemungkinan menjadi tidak berdisiplin atau disebut juga sebagai ‘kurang ajar’ kerana mengikuti kehendak-kehendak diri mereka sendiri tanpa sebarang pengaruh dari luar; iaitu apa yang dikatakan sebagai “the potential influence of the child free will”. Pelajar-pelajar ini mungkin juga melanggar peraturan yang biasa sama ada mereka berada di sekolah atau di mana-mana sahaja sewaktu berehat atau juga ketika sedang belajar, kerana mereka tidak menyedari atau anggapan mereka apa yang mereka lakukan tidaklah menyalahi peraturan. Kajian mendapati remaja yang terlibat dengan tingkah laku devian

dan delinkuen mempunyai konsep kendiri yang rendah. Remaja ini melihat diri mereka dari perspektif yang negatif, penghargaan kendiri yang rendah, tidak mempunyai matlamat tertentu dalam kehidupan dan kurang memikirkan tentang sumbangan mereka kepada masyarakat (Byrne, et al., 1981).

Manakala kajian oleh Wells (1989) pula mendapati remaja devian merasakan mereka dapat memperkembangkan konsep kendiri dan penghargaan kendiri dengan melibatkan diri dalam tingkah laku anti sosial dan delinkuen. Kajian Tattum (1986) mendapati bahawa pelajar sengaja melakukan devian seperti masalah ponteng, sebagai neutralisasi dalam interaksi mereka. Terdapat empat jenis devian iaitu inovasi (suatu cara memenuhi matlamat dengan cara yang salah), ritual (tindakan mengulang perbuatan), undur (seseorang yang tidak lagi berminat dengan matlamatnya lalu melakukan alternatif lain sebagai tindakan) dan menentang (menolak matlamat persekolahan dan menggantikannya dengan matlamat lain).

Sebahagian remaja juga sangat suka manafikan bahawa mereka ada masalah, suka mengelak diri dari mengambil tangungjawab di atas tindakan mereka dan seterusnya suka menyalahkan orang lain apabila mereka mendapat kesusahan (Mitchell, 1989). Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dan melakukan pelbagai tingkah laku devian, dengan tujuan untuk melepaskan rasa tertekan mereka.

Mc Clelland (1961), menegaskan individu yang mempunyai kemahuan tinggi untuk kejayaan adalah lebih berkesanggupan (bermotivasi) dalam menghadapi kerja-kerja bercorak cabaran yang boleh menguji keupayaannya. Tetapi bagi pelajar-pelajar yang gemar ponteng sekolah adalah sebaliknya. Mereka tidak mempunyai kemahuan yang tinggi untuk berjaya kerana mereka tidak yakin pada diri mereka yang mereka boleh berjaya seperti orang lain sekiranya mereka berusaha bersungguh-sungguh. Penyelidik berpendapat, jika punca diri ini tidak di bentuk dari awal dengan kaedah yang betul dan sesuai, mereka mudah dipengaruhi dengan gejala - gejala yang tidak sihat seterusnya akan memberi impak yang negative terhadap diri pelajar.